



MYFutureJobs
Penyedia Perkhidmatan Pekerjaan Nasional Anda

CARSOME

For Immediate Release

PERKESO, CARSOME Lancar 3 Inisiatif Baharu, Tangani Kadar Pengangguran di Malaysia

KUALA LUMPUR, 26 Feb – Dalam usaha menangani pengangguran dan memudahkan usaha mencari pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan CARSOME melancarkan kerjasama baharu, bertujuan untuk menangani jurang mobiliti dan kemahiran dalam kalangan pencari kerja.

Bersandarkan kepada data 546,900 individu masih menganggur pada suku keempat 2024, kerjasama ini memperkenalkan tiga inisiatif utama yang direka untuk menyediakan bantuan kewangan, meningkatkan mobiliti pekerjaan dan meningkatkan kebolehpasaran melalui peningkatan kemahiran.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama untuk membantu rakyat Malaysia mendapatkan pekerjaan yang bermakna.

"Melalui usaha menangani cabaran mobiliti dan menyediakan latihan penting, inisiatif ini memperkasakan individu untuk kembali bangkit dan memasuki semula dunia pekerjaan dengan yakin.

"Menerusi sokongan sosial PERKESO dan kepakaran industri CARSOME, kerjasama ini mewujudkan laluan yang mampan ke arah mendapatkan pekerjaan dan pertumbuhan kerjaya untuk jangka panjang," katanya semasa berucap pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara PERKESO dan CARSOME di Kuala Lumpur pada Rabu.



MYFutureJobs
Penyedia Perkhidmatan Pekerjaan Nasional Anda

CARSOME

Inisiatif pertama di bawah kerjasama ini ialah program "My First Car", menawarkan diskaun RM800 untuk graduan yang berdaftar dengan MYFutureJobs yang membeli kenderaan pertama mereka, manakala inisiatif kedua, Kempen Pencarum Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), menyediakan diskaun kereta RM3,000 dan bonus tukar beli (*trade in*) untuk penerima SIP.

Komponen akhir kerjasama ini ialah Program Peningkatan Kemahiran SIP, yang memanfaatkan CARSOME Academy untuk menyediakan latihan automotif dan penempatan pekerjaan, memastikan individu dilengkapi dengan kemahiran yang relevan untuk pasaran kerja.

Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif CARSOME Academy, Teoh Jiun Ee berkata, mobiliti dan pembangunan kemahiran memainkan peranan penting dalam penyediaan tenaga kerja apabila pencari kerja dan graduan baharu merancang untuk beralih kerjaya.

Justeru, katanya, penyelesaian praktikal yang menyelesaikan cabaran pengangkutan dan latihan berfokuskan industri boleh meningkatkan prospek pencari kerja dengan ketara, memastikan mereka boleh memasuki semula dunia pekerjaan dengan yakin.

"Akses kepada mobiliti yang berpatutan bukan sahaja meluaskan peluang pekerjaan tetapi juga menggalakkan mobiliti sosial, mewujudkan lebih banyak jalan untuk penjana pendapatan.

"CARSOME telah menyaksikan impak positif usaha PERKESO melalui portal MYFutureJobs, yang merekodkan sebanyak 204,819 penempatan pekerjaan pada tahun 2024.



MYFutureJobs
Penyedia Perkhidmatan Pekerjaan Nasional Anda

CARSOME

"Selain menyokong mobiliti tenaga kerja, kerjasama ini membolehkan CARSOME memanfaatkan kumpulan bakat baharu untuk sektor automotif sambil membantu individu membina kemahiran yang diperlukan untuk berkembang maju dalam industri yang berkembang pesat," katanya.

Kerjasama ini akan berlangsung dari 26 Februari 2025 hingga 27 Februari 2026, dengan kedua-dua organisasi komited untuk sokongan dan penambahbaikan berterusan. Semua inisiatif tertakluk kepada terma dan syarat. Maklumat lanjut boleh didapati di laman web CARSOME dan PERKESO.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Sebarang pertanyaan media, hubungi Bahagian Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal PERKESO:

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my



MYFutureJobs
Penyedia Perkhidmatan Pekerjaan Nasional Anda

CARSOME

Mengenai CARSOME

CARSOME ialah platform e-dagang kereta bersepadu terbesar di Asia Tenggara. Beroperasi di seluruh Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura, dan Filipina, CARSOME bertujuan untuk mendigitalkan industri kereta terpakai di rantau ini dengan membentuk semula dan meningkatkan pengalaman transaksi dan pemilikan kereta.

Bersama jenama anak syarikat iCar Asia, WapCar, CarTimes, dan CARSOME Capital, CARSOME menyediakan penyelesaian menyeluruh kepada pengguna dan peniaga kereta terpakai merentasi saluran keputusan, daripada kandungan kereta, pemeriksaan kereta, dan pemindahan pemilikan kepada pembiayaan dan perkhidmatan sampingan lain, komited untuk membina kepercayaan, ketelusan, dan pilihan kepada pelanggan kami.

Akademi CARSOME, sebuah institusi latihan automotif yang bertauliah, dengan visi meningkatkan ekosistem dengan melengkapkan bakat masa depan dengan kemahiran yang relevan dengan industri, memastikan saluran profesional yang berkepercayaan yang stabil dalam sektor automotif.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.carsome.com.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Priya Menon

E: priya.menon@carsome.com M: +6012 - 9150049